

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	7 February 2016

Najib harap tahun monyet bawa kebahagiaan untuk semua

KUALA LUMPUR 6 Feb. - Budaya persahabatan, kekraban dan serta kesediaan untuk hidup bersama secara harmoni perlu terus menjadi amalan hidup rakyat berbilang bangsa di negara ini agar perpaduan yang dinikmati kekal terjamin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, nilai-nilai murni tersebut yang memungkinan Malaysia kekal harmoni sehingga ke hari ini tidak boleh diabaikan kerana budaya berkenaan penentu kepada masa depan negara kita.

Beliau yang membuat gesaan itu sempena sambutan Tahun Baharu Cina seterusnya berkata, Malaysia

adalah tempat tinggal untuk seluruh rakyat dan mereka jugalah yang telah memainkan peranan penting dalam pembinaan negara bangsa.

"Sebagai Perdana Menteri saya amat komited terhadap semua nilai ini dan berazam memastikan masa depan anak-anak kita dan anak kepada anak-anak kita adalah jauh lebih baik daripada kita," katanya dalam blog *najibrzak.com* hari ini.

Dalam pada itu, Najib berkata, kaum Cina sebenarnya telah memberi sumbangan yang besar kepada kebudayaan, masyarakat serta ekonomi Malaysia dan hasil kerja keras mereka dalam aspek

berkenaan dapat dilihat di setiap bahagian di negara ini.

Jelasnya, semua sumbangan itu pula dilakukan masyarakat Tiong-hua secara secara berganding bahu dengan semua warganegara di negara ini kerana mereka seperti juga kaum-kaum lain iaitu mengganggap Malaysia sebagai tanah air.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia perlu mengambil masa sejenak untuk menghargai sumbangan daripada tokoh-tokoh terdahulu yang banyak berkorban sehingga meninggalkan jasa masing-masing kepada masyarakat.

UM-7/2/2016